

# Pelajar aliran sastera disisihkan?

KUALA LUMPUR 2 Mei - Graduan aliran sastera di negara ini seolah-olah disisihkan berikutan kebanyakan peluang pekerjaan dilihat lebih terbuka luas untuk mereka yang lulus aliran sains.



Hal ini kerana, ramai pihak beranggapan bidang sains dan teknologi lebih berkemampuan untuk menjana pembangunan negara

berbanding bidang-bidang lain.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Kamariah Kamaruddin (**gambar**) berkata, subjek aliran sastera mempunyai kepentingan yang sama dengan aliran sains.

“Tidak ada istilah aliran sains lebih penting berbanding sastera kerana kedua-dua bidang itu mempunyai kegunaan dan kepentingan tersendiri.

“Saya tidak bersetuju dengan pendapat sesetengah-pihak yang melabelkan aliran sastera sebagai ‘kelas kedua’ di bawah sains,” katanya ketika menjadi seorang daripada tiga panel dalam Wawancara Sofa Putih yang menyentuh isu nasib graduan aliran sastera di sini hari ini.

Seorang lagi panel, pensyarah Program Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Mawar Saifei berkata, kerajaan perlu mengambil inisiatif serius dalam membela nasib graduan aliran sastera.

Beliau berkata, sastera bukan sahaja menyentuh bahasa dan lenggok ayat, namun menerangkan tentang budaya serta tingkah laku masyarakat sekeliling.

“Bidang sastera juga mampu membangunkan negara daripada pelbagai aspek dan tidak seharusnya dipandang enteng atas alasan ingin mengejar era moden,” ujarnya.

Pengarah Urusan Kumpulan Galeri Ilmu Media, Abu Hassan Morad yang menjadi panel ketiga dalam wawancara tersebut pula menegaskan bahawa persepsi orang ramai terhadap bidang sastera sebagai satu cabang yang membosankan dan tidak mencabar serta perlu dikikis.

“Setiap negara mempunyai bidang dan nilai sastera tersendiri, jika kita tidak melindunginya, maka boleh lenyap secara perlahan-lahan,” jelasnya.